

PBS takut terancam jika UMNO ke Sabah

KOTA KINABALU 21 Feb. — Perdana Menteri berkata, Parti Bersatu Sabah (PBS) tidak suka UMNO masuk ke negeri ini kerana takut kedudukannya terancam dan 'tingkah-laku' mereka diketahui.

Menurutnya, kemasukan UMNO juga akan menjejaskan rancangan parti itu untuk menjadikan Sabah sebuah 'negara bebas.'

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menambah, kerana ketakutan ini, PBS pun menawarkan kerjasama dengan USNO melalui kerajaan campuran.

Sebenarnya, kata beliau, dengan kerjasama melalui kerajaan campuran itu, parti tersebut berharap untuk mendapat bantuan kerajaan pusat.

Beliau bertanya, jika PBS benar-benar ikhlas, kenapa mereka tidak menawarkan kerjasa-

ma itu selepas pilihanraya negeri 1985 di mana PBS menumbangkan kerajaan Berjaya.

Perdana Menteri juga menceritakan bahawa semasa berada dalam Barisan Nasional dulu, PBS tidak mahu USNO diberi tempat — satu lagi bukti bahawa ia juga tidak ikhlas semasa bekerjasama dalam BN.

Bagaimanapun Perdana Menteri tidak menolak sama sekali kemungkinan kerjasama yang diinginkan oleh PBS itu.

"Kita rela bekerja sama tapi biarlah kita yang untung, takkan nak bagi free saja...".

"Kalau nak bekerjasama, mereka hendaklah ikhlas, bukan mengeluarkan Sabah daripada Malaysia," tegasnya.

Perdana Menteri juga memberitahu bahawa kerajaan sedar tentang usaha hendak menjadikan Sabah sebuah negara bebas

dengan Jeffrey Kitingan (adik Ketua Menteri) sebagai Presiden.

"Tapi hari ini dia sudah masuk ke dalam lubang cacing..." kata beliau, disambut tepuk dan gelak ketawa.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, dulu rakyat Sabah tidak pernah membenci Kerajaan Pusat seperti sekarang. Bagaimanapun selepas PBS menumbangkan kerajaan Berjaya pada tahun 1985, rakyat Sabah telah diracuni dengan berbagai-bagai dakyah yang disogokkan oleh Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS).

"Kita sedang perhati tingkahlaku mereka. Dengan kedatangan UMNO ke sini, kita akan dapat melihat tingkahlaku itu dengan lebih jelas lagi.

"Sebab itulah dia takut dan khuatir," tegas Perdana Menteri.